

Pelantikan cermin kemajuan Melayu



ENCIK MASAGOS ZULKIFLI MASAGOS MOHAMAD: Pemimpin masyarakat menyambut baik kenaikan pangkat Encik Masagos yang membuktikan bahawa orang Melayu/Islam boleh berdiri sama tinggi atas usaha sendiri dalam negara yang mengamalkan system meritokrasi. - Foto fail

1/8

9 Apr 2015

NIZAM ISMAIL, ERVINA MOHD JAMIL

PELANTIKAN Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad sebagai menteri penuh mencerminkan kemajuan yang telah dicapai masyarakat Melayu sehingga kini.

Di samping itu, ia juga bukti bahawa masyarakat Melayu di sini mampu berdiri sama tinggi semata-mata atas usahanya sendiri dalam sebuah masyarakat berasaskan meritokrasi.

Demikian menurut beberapa pemimpin Melayu/Islam serta pengamat politik yang dihubungi Berita Harian (BH) ketika diminta mengulas mengenai kenaikan pangkat Encik Masagos kepada menteri penuh.

Dengan perkembangan terbaru itu, buat julung-julung kalinya kini terdapat dua menteri penuh Melayu dalam Kabinet Singapura.

Encik Masagos yang dinaikkan pangkat menjadi menteri penuh mulai hari ini dilantik sebagai Menteri di Pejabat Perdana Menteri (PMO) serta Menteri Kedua (Ehwal Dalam Negeri merangkap Ehwal Luar).

Sebelum ini, Encik Masagos merupakan Menteri Negara Kanan (Ehwal Dalam Negeri merangkap Ehwal Luar).

Selain kenaikan pangkat Encik Masagos, PMO turut mengumumkan beberapa perubahan Kabinet yang lain semalam.

Menteri Bertanggungjawab Bagi Ehwal Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, mengucapkan tahniah kepada rakan Kabinetnya atas pelantikan baru mereka.

"Saya gembira kerana Encik Masagos telah dinaikkan pangkat sebagai menteri penuh. Saya berharap dapat bekerja rapat dengan mereka bagi memperbaiki kehidupan semua rakyat Singapura," kata Dr Yaacob.

Bagi Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob, kenaikan pangkat itu mencerminkan keyakinan Perdana Menteri Lee Hsien Loong terhadap Encik Masagos.

"Buat julung-julung kalinya dalam sejarah, kita mempunyai dua menteri penuh Melayu dalam Kabinet dan ini menunjukkan bahawa meritokrasi berkesan.

"Saya harap kenaikan pangkat ini akan merangsang rasa bangga dan keyakinan masyarakat," katanya.

Pegua korporat dan aktivis pertubuhan akar umbi, Encik Amrin Amin, pula berkata kenaikan pangkat Encik Masagos sekaligus menghapuskan tanggapan bahawa hanya seorang menteri penuh Melayu/Islam sahaja boleh berada dalam Kabinet pada satu-satu masa.

"Lebih penting lagi, pelantikan Encik Masagos sebagai menteri penuh bukan bersifat token malah ia sesuatu yang sangat wajar," kata Encik Amrin.

Akur, pengerusi Critical Xchange, Dr Mohamed Nawab Mohamed, yang juga Penolong Profesor di Sekolah Pengajian Antarabangsa S Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU), berkata langkah melantik Encik Masagos sebagai menteri penuh adalah bukti keberkesanan system meritokrasi yang menjadi tunggak Singapura.

"Ini sekaligus menjadi satu lagi bukti menolak tanggapan bahawa kita tidak mampu mencapai siling yang lebih tinggi," ujar Dr Mohamed Nawab.

Seorang karyawan Melayu, Dr Abdul Razak jr Omar berkata system Singapura membolehkan warga seperti Encik Masagos, yang membesar dalam keadaan yang sukar, mencapai keperibadian dan tahap intelek yang tinggi untuk menjadi menteri hasil meritokrasi.

Tambahnya, ia juga menunjukkan bahawa masyarakat Melayu/Islam telah mencapai kemajuan hasil kecekapan sendiri dengan sistem yang baik di sini, tanpa berat sebelah terhadap bangsa atau agama tertentu.

Bagi mantan Setiausaha Parlimen Kanan, Encik Yatiman Yusof, pula, pelantikan baru Encik Masagos mencerminkan prinsip pemerintah memberi peluang kepada mereka yang berkebolehan agar terus mencapai kemajuan.

"Semoga dengan pelantikan barunya, masyarakat akan terus berisokongan kepada dasar bagi kebaikan masyarakat menyeluruh, termasuk masyarakat Melayu," kata Encik Yatiman.

Sementara itu, mantan Anggota Parlimen Dilantik (NMP), Profesor Madya Eugene Tan, menyifatkan kenaikan pangkat Encik Masagos sebagai detik penting.

Ini kerana, kedua Menteri Melayu di Kabinet turut menjawat portfolio penting – Perhubungan dan Penerangan serta Ehwal Dalam Negeri dan Ehwal Luar.

"Kenaikan pangkat ini mengiktiraf sumbangannya dalam pelbagai bidang dan akan dihargai dengan baik, khususnya oleh masyarakat Melayu.

"(Dengan sifat) rendah hati dan sentuhan orang biasa tetapi amat berpengetahuan tentang bidang di bawah tanggungjawabnya, kebangkitannya daripada Anggota Parlimen kepada Menteri dalam tempoh kurang 10 tahun juga patut diberi perhatian.

"Bukan satu kejutan jika Encik Masagos dilantik menyandang tanggungjawab yang lebih apabila tiba masanya dalam proses pembaharuan," kata Encik Tan, yang juga professor undang-undang di Universiti Pengurusan Singapura (SMU).